

## USLUB *AL-HADHF* (ELIPSIS) DALAM AL-QURAN USLUB *AL-HADHF* (ELLIPSIS) IN AL-QURAN

Mohamad Syukri Abd Rahman  
Md Noor Bin Hussin  
Muhammad Daoh  
Ahmad Redzaudin Ghazali  
Mohd Rofian Ismail  
Mohd Izzuddin Mohd Pisol  
Salman Zainal Abidin  
Nurfida'iy Salahuddin

Accepted date: 05 August 2018

Published date: 11 October 2018

**To cite this document:** Rahman, M. S. A., Hussin, M. N., Daoh, M., Ghazali, A. R., Ismail, M. R., Pisol, M. I. M., Abidin, S. Z., Salahuddin, N. (2018). *Uslub Al-Hadhaf* (Elipsis) Dalam Al-Quran. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*, 1(3), 60-78.

---

**Abstrak:** *Al-Quran* yang diturunkan sejak 1400 tahun dahulu mempunyai kekuatan nilai universal yang meliputi seluruh disiplin ilmu yang ada di dunia ini. *Al-Quran* merupakan kalam Allah SWT yang penuh dengan mukjizat khususnya dari sudut bahasa dan balaghah. Antara keistimewaan *al-Quran* ialah mempunyai unsur *al-i'jaz*, *al-itnab* dan *al-musawat*. Bahkan penggunaan *al-Quran* juga telah memasuki bidang sains dan teknologi seperti perubatan, astronomi, psikologi dan seumpama dengannya serta tidak terbatas dengan ilmu agama semata-mata. Namun begitu, setiap perkembangan ilmu di zaman ini mempengaruhi pemahaman manusia terhadap teks *al-Quran* itu sendiri. Bahasa yang dipilih oleh Allah SWT dalam menyampaikan wahyu adalah bahasa Arab yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam pembentukan sesuatu ayat, iaitu merujuk kepada aspek tatabahasa, retorika dan semantik. Dalam kajian ini penyelidik cuba mengenengahkan topik **Uslub *al-Hadhaf* (Elipsis) Dalam Al-Quran** yang merupakan salah satu tajuk *i'jaz al-Quran*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mendedahkan unsur-unsur *al-hadhaf* dalam *al-Quran* dan membantu pencinta *al-Quran* dalam memahami ayat berkaitan dengan lebih mendalam. Dalam hal ini, penyelidik berpandangan bahawa pemahaman maksud *al-Quran* memerlukan pemahaman tentang tajuk-tajuk ilmu balaghah terutama *al-hadhaf*. Tanpa memahami ilmu balaghah pembaca tidak dapat menyelami maksud sebenar ayat *al-Quran*.

**Kata kunci:** *Uslub, Al-Hadhaf, Al-Qur'an*

**Abstract:** *Al-Qur'an sent down over 1400 years ago has unparalleled universal values that encompass all knowledge disciplines that exist in this world. Al-Qur'an is the words of Allah SWT and it is laden with miracles especially when observed from the perspective of language and balaghah (Arabic rhetoric). Among the unique features that are found in al-Qur'an are the elements of al-i'jaz, al-itnab and al-musawat. In fact, al-Qur'an has a significant presence in the studies of science and technology for example in medicine, astronomy, psychology, and others of the same kind and it has not been limited to theological studies per se. However, every knowledge development of the present era has had an influence on the human understanding of the Quranic text itself. The language specially chosen by Allah SWT in relaying the revelations is the Arabic language that has its own unique characteristics in sentence formation, and this is referring to the aspects of grammar, rhetoric, and semantics. For this study, the researchers are highlighting the topic Uslub Al-Hadhf (Ellipsis) in Al-Quran which is one topic under i'jaz al-Qur'an. As for its purposes, this study wishes to expose the elements of al-Hadhf in al-Qur'an and to assist those who love al-Qur'an to understand verses that they are concerned with more in-depth. In this matter, the researchers are of the opinion that for one to be able to understand the meaning of al-Quran one needs to have an understanding of topics regarding the knowledge of balaghah, especially of al-Hadhf. Without having the knowledge concerning balaghah the reader will not be able to really understand the intended meaning of the verses in al-Qur'an.*

**Keywords:** *Uslub, Al-Hadhf, Al-Qur'an*

---

## **Pengenalan**

Bahasa adalah lambang kepada ketamadunan setiap umat manusia dan bangsa di dunia. Ianya dijadikan sebagai alat komunikasi dan wasilah setiap individu dan masyarakat dunia dalam komunikasi dan perhubungan. Begitu juga dengan bahasa Arab yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri tidak mungkin terdapat dalam bahasa-bahasa lain. Keistimewaan bahasa Arab ini terletak pada rima huruf dan perkataannya, mempunyai kosa kata yang luas, perumpamaan yang indah, makna yang mendalam dan menyeluruh, *ta'bir* ayat yang ringkas serta *'irabnya*. Kefahaman dalam kesusasteraan Arab ini akan memudahkan seseorang memahami maksud struktur ayat dan gaya bahasa yang digunakan terutama dalam memahami al-Quran dan hadis.

## **Definisi Al-Hadhf (Elipsis)**

*Al-Hadhf* atau dalam bahasa Melayunya adalah elipsis merupakan satu uslub atau gaya bahasa yang melibatkan lafaz dan makna dalam sesuatu ayat. Perkataan *al-Hadhf* secara etimologinya berasal daripada perkataan حذف yang dapat diertikan sebagai penghapusan atau pengguguran. Secara terminologi, perkataan *al-Hadhf* dalam ilmu tatabahasa Arab bermakna pengguguran sesuatu aspek tatabahasa Arab. Dari sudut ilmu Balaghah, *al-Hadhf* membawa maksud menjatuhkan atau menggugurkan sesuatu struktur bahasa sama ada banyak ataupun sedikit. Kewujudan *al-Hadhf* merujuk kepada pengguguran huruf atau lafaz atau ayat yang tidak akan merosakkan makna sesuatu ayat secara keseluruhannya dengan alasan-alasan tertentu. *Al-Hadhf* adalah salah satu daripada sejumlah besar kaedah dalam sistem tatabahasa Arab.

Secara umum, *al-Hadhf* ialah pengguguran satu bahagian dalam ayat sama ada huruf, perkataan, tarkib dan ayat dengan syarat terdapat *dilalah* (petunjuk) yang menunjukkan terdapat elemen yang digugurkan dalam pertuturan atau penulisan (al-Samirra'iy, 1998). Hal ini berlaku dengan

tujuan tertentu. Tujuan yang dikaitkan dengan *al-Hadhf* ini mempunyai perkaitan rapat dengan ilmu retorik Arab. Antara tujuan penggunaan *al-Hadhf* adalah untuk menunjukkan perkara yang positif seperti meringkaskan, memberi peringatan, meringankan, memuliakan serta memberi maksud umum dalam pertuturan atau penulisan. Namun begitu, terdapat juga penggunaan *al-Hadhf* yang membawa maksud lain, iaitu untuk tujuan sindiran atau penghinaan (Abu Shadiy, 1992).

Terdapat beberapa pendapat yang bersetuju dengan kewujudan *al-Hadhf* pada ayat khususnya ayat-ayat al-Quran. Pada era mutakhir ini, antara individu yang menghasilkan buku tentang *al-Hadhf* ialah Abu Shadiy (1992), al-Samirra'iy (1998) dan Fayyud (1998). Namun begitu, terdapat juga sarjana lain yang menolak kewujudan *al-Hadhf* khususnya dalam al-Quran. Antara sarjana tersebut ialah Fadl Hasan 'Abbas yang menjelaskan pendiriannya terhadap *al-Hadhf* di dalam bukunya, Lata'if al-Mannan wa Rawa 'i al-Bayan fi Nafy al-Ziyadah wa *al-Hadhf* fi al-Qur'an (2010). Menurut Fadl Hasan 'Abbas, al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan dalam keadaan sempurna dan tidak terdapat sebarang pengguguran di dalam al-Quran sama ada satu huruf, perkataan, tarkib mahupun ayat.

Menurut Tammam Hassan (1994) pula, apabila membicarakan uslub *al-Hadhf*, ia tidak boleh difahami bahawa *al-Hadhf* hanya berlaku apabila salah satu unsur dalam ayat digugurkan, tetapi sebenarnya *al-Hadhf* merupakan satu uslub bahasa yang membezakan antara sistem atau kaedah bahasa dengan keperluan sesuatu ayat yang perlu bersesuaian dengan konteks tertentu. Oleh itu, ada kalanya sesuatu unsur bahasa itu dinyatakan dalam ayat dan ada kalanya digugurkan daripada ayat.

Makalah ini memfokus pada kewujudan *al-Hadhf* dalam al-Quran dan perkaitannya dengan kaedah tatabahasa Arab. Huraian berkaitan uslub atau gaya bahasa ini adalah sepertimana yang telah disepakati oleh para mufassir dan sarjana yang bersetuju dengan kewujudan *al-Hadhf* di dalam al-Quran. Makalah ini turut menghuraikan empat kategori utama *al-Hadhf* di dalam al-Quran. Kategori tersebut adalah seperti berikut:

- 1) *Hadhf al-huruf* (Elipsis huruf)
- 2) *Hadhf al-kalimah* (Elipsis perkataan)
- 3) *Hadhf al-jumlah* (Elipsis ayat)
- 4) *Hadhf al-tarkib* (Elipsis rangkaian ayat)

### ***Hadhf Al-Huruf* (Elipsis Huruf)**

Kategori pertama melibatkan *hadhf al-huruf* (elipsis huruf). Perkara ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa', ayat 176:

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلِمَةِ إِنِ امْرُؤٌ هَلَكَ لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ وَهُوَ يَرِثُهَا إِن لَّمْ يَكُن لَهَا وَلَدٌ فَإِن كَانَتَا ابْنَتَيْنِ فَلَهُمَا النِّصْلَانِ مِمَّا تَرَكَ وَإِن كَانُوا إِخْوَةً رِّجَالًا وَنِسَاءً فَلِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَّاتِ  
يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ أَن تَضِلُّوا وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ١٧٦

Maksudnya:

Mereka (orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad, mengenai masalah Kalalah). Katakanlah: “Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara Kalalah itu, iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan

itu seperdua daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan”. Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Menurut Abu Syadiy (1992), ayat ini terdapat *hadhf al-huruf* sepertimana yang dijelaskan oleh para mufassir. Tafsiran makna ayat 176 daripada Surah al-Nisa’ dapat difahami sepertimana berikut:

يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ... أَنْ تَضِلُّوا (لا)

Ayat ini menyentuh soal pembahagian harta pusaka melibatkan saudara perempuan (Ibn Kathir, 2004: 41/815). Jika dilihat secara zahir ayat, huruf yang gugur pada ayat ini ialah huruf لا yang membawa maksud penafian. Penjelasan mengenai pembahagian harta pusaka yang melibatkan saudara perempuan dijelaskan pada ayat ini supaya manusia tidak sesai, dan bukan bermaksud sebaliknya. Meskipun ianya secara zahir ayat tidak terdapat لا yang membawa maksud penafian, iaitu tidak sesat pada ayat ini.

#### **Hadhf Al-Kalimah (Elipsis Perkataan)**

Kategori kedua pula melibatkan *hadhf al-kalimah* (elipsis perkataan). Perkara ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Kahf, ayat 79:

أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسْكِينٍ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا  
٧٩

Maksudnya:

Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang miskin yang bekerja di laut, oleh itu, aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiao sebuah perahu yang tidak cacat.

Tafsiran makna ayat 79 daripada Surah al-Kahf dapat difahami sepertimana berikut:

وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ ..... غَصْبًا (صالحة)

Pada ayat 79 daripada Surah al-Kahf ini terdapat *hadhf al-kalimah* (Abu Shadiy, 1992). Ayat ini berkaitan kisah Khidir a.s. dan Nabi Musa a.s. berkaitan kisah Khidir a.s. dan nabi Musa a.s. tatkala Khidir membocorkan perahu milik golongan yang miskin (Ibn Kathir, 2004). Tindakan Khidir a.s. adalah mengelak berlaku kezaliman oleh raja ke atas golongan miskin melalui tindakannya merampas setiap perahu yang berada dalam keadaan baik. Namun, pada zahir ayat, tidak terdapat perkataan yang menjelaskan perihal keadaan perahu yang menjadi idaman raja yang zalim tersebut. Perkataan yang dimaksudkan ialah (صالحة) yang membawa maksud selamat atau tidak rosak.

### **Hadhf Al-Jumlah (Elipsis Ayat)**

Kategori seterusnya ialah *hadhf al-jumlah* (elipsis ayat). Kategori ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl, ayat 30:

﴿وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا خَيْرًا لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعْمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ ۝ ٣٠﴾

Maksudnya:

Dan ditanya kepada orang yang bertakwa: “Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu? Mereka menjawab: ‘Kebaikan’. Orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri orang yang bertakwa.

Tafsiran makna ayat di atas dapat difahami seperti mana berikut:

﴿وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا .... خَيْرًا﴾ (Anزل)

Ayat ini merakamkan keadaan orang yang bertakwa tatkala ditanya oleh Allah SWT tentang apakah yang diturunkan atau dianugerahkan oleh Allah SWT kepada mereka. Maka, golongan hamba Allah SWT yang bertakwa ini menjawab bahawa sesungguhnya Allah SWT telah menganugerahkan kepada mereka kebaikan yang berupa rahmat dan berkat (Ibn Kathir, 2004: 2/1570–1571). Namun, pada ayat 30 Surah al-Nahl ini, berdasarkan zahir ayat, golongan yang bertakwa hanya menyebut kebaikan atau *خَيْرًا* sahaja. Jika ditafsirkan secara keseluruhan, berlaku *hadhf al-jumlah* pada ayat atau *al-jumlah al-fi'liyah* *أنزل* yang terdiri daripada *fi'il* atau *fa'il*, iaitu Allah SWT. Menurut Abu Shadiy (1992), berlaku *hadhf al-jumlah* pada ayat ini adalah untuk tujuan ringkasan atau *ikhtisar*.

### **Hadhf Al-Tarkib (Elipsis Rangkaian Ayat)**

Bagi kategori keempat pula, ia melibatkan *hadhf al-tarkib* (elipsis rangkaian ayat). Kategori ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab, ayat 37:

﴿وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِي أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَاتَّقِ اللَّهَ وَتُخْفِي فِي نَفْسِكَ مَا اللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى النَّاسَ وَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ تَخْشَاهُ فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاكَهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِي أَرْوَاحٍ أَدْعَابِهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرًا وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولًا ۝ ٣٧﴾

Maksudnya:

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika kamu berkata kepada orang yang telah dikurniakan oleh Allah (dengan nikmat Islam) dikurniakan oleh Allah (dengan nikmat Islam) dan yang kamu juga telah berbuat baik kepadanya: “Jangan ceraikan isterimu itu dan bertakwalah kepada Allah”, sambil kamu menyembunyikan dalam hatimu perkara yang Allah akan menyatakannya; dan kamu pula takut kepada (cacian) manusia padahal Allah jualah yang berhak kamu takuti (melanggar perintah-Nya). Kemudian setelah Zaid selesai habis selesai habis kemahuannya terhadap isterinya dengan menceraikannya, Kami kahwinkan kamu dengannya supaya tidak ada keberatan atas orang mukmin untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak angkat mereka, apabila mereka telah

habis kemahuan terhadap isterinya dengan bercerai. Dan sememangnya perkara yang dikehendaki Allah itu tetap berlaku.

Tafsiran makna ayat 37 daripada Surah al-Ahzab dapat difahami sepertimana berikut:

فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا.... زَوَّجْنَاكَهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ  
(طلقها ولما انقضت عدتها)

Berlaku *hadhf al-tarkib* pada ayat 37 daripada Surah al-Ahzab. Menurut Abu Shadiy (1992), *hadhf al-tarkib* melibatkan pengguguran *al-tarkib* melibatkan pengguguran lebih daripada satu ayat. Ayat yang dibincangkan ini berkenaan peristiwa Rasulullah SAW diperintahkan Allah SWT untuk menikahi bekas isteri kepada anak angkatnya, iaitu Zayd b. Harithah (Ibn Kathir, 2004: 3/2255– 2256). Dari sudut makna ayat, berlaku *hadhf al-tarkib* pada ayat ini yang maknanya difahami berdasarkan ketiadaan *tarkib* yang menjelaskan makna keseluruhan ayat. Makna ini difahami berdasarkan ketetapan hukum perkahwinan yang sudah sedia dimaklumi, iaitu seseorang wanita yang telah diceraikan oleh suaminya dibenarkan berkahwin dengan lelaki lain setelah tamat tempoh '*iddah*.

Penjelasan terperinci inilah yang tidak dinyatakan secara zahir melalui lafaz-lafaz ayat pada ayat 37 Surah al-Ahzab ini. Namun, ia tetap dapat difahami secara jelas. Selain itu, dapat difahami bahawa ayat ini memberi fokus kepada isu keharusan menikahi bekas isteri kepada anak angkat, maka penjelasan mengenai hukum menikahi janda secara umum selepas melalui tempoh '*iddah* bukan menjadi fokus utama kerana ia telah sedia dimaklumi. Oleh itu, *hadhf al-tarkib* pada ayat ini tidak sekali-kali mencatitkan makna ayat keseluruhannya.

### **Kajian Lepas**

Berdasarkan kajian Ahmad Baha' Mokhtar (2015) dalam *Hadf dan Ithbat al-Alif dalam Ilmu Rasm Uthmani: Kajian Terhadap Tiga Mushaf Terpilih* membincangkan pelaksanaan kaedah *hadhf* dan *ithbat alif* dalam ilmu *Rasm Uthmani*. Perbincangan memfokuskan praktik pelaksanaan *hadhf* dan *ithbat alif* dalam penulisan tiga *mushaf Rasm Uthmani* terpilih iaitu *Mushaf Madinah Riwayat Hafs*, *Mushaf al-Muhammadi al-Sharif Riwayat Warsh* dan *Mushaf al-Jamahiriyyah Riwayat Qalun*, di samping meneliti sejauh manakah persamaan dan perbezaan pelaksanaan *hadhf* dan *ithbat alif* dalam tiga *mushaf* tersebut dan adakah perbezaan antara dalam ketiga-tiga *mushaf* ini boleh menjejaskan kedudukannya sebagai *mushaf Rasm Uthmani*. Persoalan-persoalan ini dianalisis dalam satu kajian bersifat kualitatif menerusi pengumpulan data berasaskan metode dokumentasi. Pemilihan tiga *mushaf* ini sebagai sampel kajian adalah kerana metodologi dan sumber rujukan penulisan *mushaf-mushaf* tersebut jelas. Selain itu, ketiga-tiga *mushaf* terpilih adalah menjadi sumber rujukan utama dalam kajian penulisan *mushaf Rasm Uthmani*. Objektif kajian ini adalah untuk mencari punca dan sebab perbezaan kaedah *hadhf* dan *ithbat alif* dalam penulisan *mushaf-mushaf Rasm Uthmani* yang ada pada hari ini. Antara dapatan penting kajian ialah penulisan tiga *mushaf Rasm Uthmani* terpilih telah mematuhi kaedah-kaedah *hadhf* dan *ithbat alif* dalam ilmu *Rasm Uthmani* dengan berpandukan kepada riwayat-riwayat ulama ilmu *Rasm*. Manakala perbezaan *hadhf* dan *ithbat alif* yang berlaku antara tiga *mushaf* tersebut adalah kerana perbezaan metode di dalam perlaksanaannya. Justeru diyakini bahawa kaedah *hadhf* dan *ithbat alif* yang diguna pakai di dalam penulisan tiga *mushaf* terpilih secara keseluruhannya telah menepati *Rasm Mushaf* yang ditulis pada zaman 'Uthman bin 'Affan (r.a.).

Manakala dalam kajian bertajuk Pemeliharaan Al-Qur'an : Kajian Di Unit Kawalan Teks Al-Qur'an Kementerian Keselamatan Dalam Negeri oleh Abd Rahman Abd Ghani (2009), Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. di dalam bab lima kajian tersebut turut membincangkan sedikit persoalan *hadhf*. Tetapi perbincangannya hanya tertumpu pada bentuk tanda baca bagi huruf-huruf yang di*hadhaf*. Tidak terdapat perbincangan tentang perbandingan *hadhf* dan *ithbat alif* di dalam mushaf-mushaf Rasm Uthmani.

Satu kajian pada tahun 2010 oleh Bashir Hasan Himyari bertajuk *al-Muqni' fi Ma'rifah Marsum Masahif Ahl al-Amsar, li Abi 'Amr al-Dani d. 444H : Dirasah wa Tahqiq*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian tersebut adalah satu kajian *tahqiq* memfokuskan kepada teks kitab *al-Muqni'*. Penulis dalam kajian tersebut dalam bab dua telah menyentuh perkataan-perkataan *hadhf* menurut riwayat Abu 'Amr al-Dani pengarang *al-Muqni'* sebagai salah seorang ulama Rasm yang ulung di samping memberi ulasan-ulasan tambahan berkaitan topik tersebut. Namun dalam kajian tersebut tiada kajian perbandingan antara *hadhf* yang berlaku di dalam penulisan *mushaf*.

Dalam disertasi Mahdi 'Abd Allah Qari (1422 H), bertajuk *Tahqiq wa Dirasah Kitab al-Jawahir al-Yara'iyah fi Rasm al-Masahif al-'Uthmaniyyah li Muhammad Bin Ahmad al-'Awfi Nazil al-Qantantiniyyah al-Mutawaffa 1050 H*, Fakulti Dakwah Dan Usuluddin, Universiti Umm al-Qura, Saudi Arabia. Kajian tersebut juga adalah *tahqiq* kitab dalam bidang ilmu *Rasm*. Terdapat 13 perbincangan di dalam bab dua berkaitan *hadhf*, namun perbincangan lebih kepada menyenarai perkataan-perkataan *hadhf* yang terdapat di dalam al-Quran. Namun dalam kajian tersebut tiada kajian perbincangan tentang perbandingan *hadhf* yang berlaku di dalam tiga mushaf terpilih.

Sebuah tesis Sarjana bertajuk *Tibyan fi Syarh Mawrid al-Zam'an li Mu'allifih Abi Muhammad 'Abd Allah bin 'Umar al-Sunhaji Ibn Ajatta* oleh 'Abd al-Hafiz bin Muhammad Nur al-Hindi (2012), Fakulti al-Quran al-Karim, Universiti Islam al-Madinah al-Nabawiyyah turut membincangkan topik yang sama dengan tesis Sarjana di atas kerana kedua-dua tesis ini adalah kajian terhadap syarah kitab *Mawrid al-Zam'an*.

Abd Rahman Abd Ghani (2003), *Sejarah Rasm Al-Quran: Tumpuan Utama Kepada Rasm 'Uthmani* iaitu satu kajian di peringkat Sarjana di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian kepustakaan dijalankan tersebut berkisar tentang *Rasm 'Uthmani*. Banyak antara bab-bab di dalam kajian ini yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan seperti perbincangan di dalam Bab Dua yang menghuraikan tentang kaedah penulisan *Rasm 'Uthmani* dan dalam Bab Empat yang menyentuh beberapa aspek tentang tiga *mushaf* terpilih. Walau bagaimanapun, isu tentang perbezaan antara *hadhf* dan *ithbat alif* yang merupakan perbincangan utama dalam kajian ini tidak dibincangkan.

Selain itu, terdapat keterangan berhubung *hadhf* dalam satu penulisan tesis Sarjana bertajuk *al-Tanbih al-'Atsyah 'ala Mawrid al-'Uam'an li Abi Husayn bin 'Ali bin Talhah al-Rajraji al-Syusyawi al-Mutawaffa Sanah 899 H* oleh Muhammad Salim Harisyah (2006), Fakulti Sastera dan Sains, Universiti *Al-Muraqqab*, Libya. Dalam bab dua di bawah tajuk *al-Hadhaf* penulis telah menukikan teks daripada kitab *al-Tanbih al-'Atsyah* berkaitan *hadhf* di samping itu, beliau turut membuat ulasan-ulasan berkaitan dengannya. Perkara yang diketengahkan oleh pengkaji ialah perkataan-perkataan yang ditulis dengan *hadhf* di dalam al-Quran.

Terdapat sebuah artikel oleh Ahmad Khalid Syukri berjudul *al-Tarjih wa al-Ta'li' li Rasm wa Dabt Ba'd Kalimat al-Tanzil*, artikel ini juga adalah daripada terbitan *Jurnal al-Imam al-Syatibi li al-Dirasat al-Qur'aniyyah*. Dalam artikel tersebut penulis cuba menangani isu sejumlah perkataan yang mempunyai ejaan yang berbeza-beza yang dianggap sebagai isu-isu ilmu Rasm yang baru dibangkitkan semula. Beliau mengumpul sejumlah perkataan yang berkaitan dan mencadangkan satu ejaan yang dianggap paling kuat. Perkataan-perkataan yang disenarikan di dalam artikel tersebut berjumlah 18 yang berkaitan *hadhf*. Masih terdapat banyak lagi perkataan-perkataan yang berkaitan *hadhf* tidak disentuh.

Manakala dalam kajian Wan Rohani Wan Mokhtar (2012) Penggunaan *uslub khabari* dalam Al-Quran: Kajian terhadap Surah Yasin menyatakan bahawa Al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada junjungan besar nabi Muhammad S.A.W untuk disampaikan kepada manusia sejagat. Ia mengandungi pelbagai panduan untuk membawa manusia mencapai keredhaan Allah serta kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Al-Quran mempunyai cara dan gaya bahasa tersendiri dalam menyampaikan mesejnya kepada manusia. Antara cara penyampaian yang digunakan di dalam al-Quran ialah dengan menggunakan *uslub khabari*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti *uslub khabari* dan penggunaannya dalam al-Quran terutamanya dalam surah Yasin. Di samping itu juga, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan beberapa persoalan penting yang terdapat dalam surah Yasin seperti sebab penurunan ayat, *huruf hija'iyah* pada permulaan surah Yasin dan intisari surah Yasin. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis ayat-ayat yang berbentuk *uslub khabari* yang terdapat dalam surah Yasin, sama ada yang terdiri daripada bentuk *ibtida'i*, bentuk lalabe dan bentuk inkere. Metode yang digunakan adalah metode perpustakaan. Ayat yang dianalisis diberikan maksud dan penghuraian mengikut pandangan ahli Tafsir, kemudian diterangkan pula tentang kaedah pembentukan ayat tersebut dalam bentuk *uslub khabari*. Hasil kajian mendapati tujuan penggunaan *uslub khabari* dalam surah Yasin bukan sahaja untuk menyampaikan berita kepada pendengar tetapi adalah untuk pelbagai penggunaan lain seperti penafian, penyesalan, memberi peringatan dan menggalakkan melakukan amalan kebaikan. Namun begitu, kajian ini tidak menyentuh mengenai *hadhf* dalam surah Yasin.

Dalam artikel Mohd Shahrizal Nasir (2017) bertajuk Elipsis (*al-Hadhf*) dalam al-Quran sebagai Satu Petunjuk Ketinggian Bahasa Arab Kalamullah menyatakan elipsis atau *al-hadhf* merupakan satu *uslub* yang terdapat dalam bahasa Arab dan juga bahasa lain di dunia. *Uslub* berperanan menyerlahkan keindahan sesuatu bahasa kerana mempamerkan kepelbagaian gaya bahasa dalam menyampaikan makna ayat. Al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW dan umatnya menggunakan bahasa Arab *standard*. Oleh itu, kewujudan elipsis atau *al-hadhf* dalam al-Quran menunjukkan bahawa pemahaman terhadap ayat al-Quran memerlukan pengetahuan yang baik tentang tatabahasa Arab. Hal ini menjelaskan bahawa ayat al-Quran tidak boleh ditafsir oleh orang awam tanpa penguasaan ilmu tatabahasa Arab. Namun begitu, hal ini tidak membawa pengertian bahawa ayat-ayat al-Quran sukar untuk difahami. Makalah ini membincangkan kewujudan elipsis (*al-hadhf*) dalam bahasa Arab dan kewujudannya dalam al-Quran. Beberapa ayat al-Quran dianalisis bagi memahami elipsis (*al-hadhf*) dan fungsinya dalam membawa makna ayat al-Quran secara jelas. Dapatan analisis menunjukkan bahawa pemahaman elipsis (*al-hadhf*) mempunyai kaitan yang rapat dengan kaedah tatabahasa Arab atau *al-Nahw al-'Arabi*. Justeru, penguasaan terhadap tatabahasa Arab merupakan satu keperluan dalam memahami ayat-ayat al-Quran.



Menurut Farhana Idris dan Munirah Azrae (2015) dalam Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab untuk Pemahaman Ayat Al-Quran menyatakan pengajian Bahasa Arab semakin mendapat tempat di hati masyarakat di Malaysia. Kepelbagaian objektif pengajian mula bercambah antaranya untuk tujuan komunikasi, akademik, perniagaan dan pengamalan agama. Kajian ini secara khusus bertujuan untuk mengkaji usaha yang telah dijalankan oleh pengamal Bahasa Arab di Malaysia dalam bentuk modul pengajaran khas untuk pengamalan agama iaitu memahami Bahasa Arab dalam al-Quran. Objektif pengajian Bahasa Arab untuk pemahaman ayat al-Quran dipilih kerana permintaan khalayak yang semakin meluas, khususnya golongan dewasa beragama Islam. Modul terpilih adalah Belajar Bahasa Arab Menggunakan Quran Per Kata, dan Pendidikan Bahasa Arab al Furqaan. Modul-modul ini dipilih berdasarkan pembacaan dan pemerhatian pengkaji dimana objektif utama modul-modul ini terarah kepada pengajian Bahasa Arab untuk pemahaman al-Quran secara khusus. Setiap modul mempunyai pendekatan dan kekuatan yang tersendiri. Kajian diakhiri dengan cadangan pengaplikasian modul Bahasa Arab bagi pemahaman ayat al-Quran ke dalam mata pelajaran Pendidikan Islam peringkat menengah rendah.

Dari sudut guru takmir pula dinyatakan dalam artikel Kamarul Azmi Jasmi (2004) Pengaruh Pemikiran Al-Nawawi dalam Metodologi Pendidikan dan Pendakwaan Terhadap Guru-Guru Takmir Di Negeri Johor membincangkan mengenai Al-Imam al-Nawawi merupakan seorang tokoh pendidik dan pendakwah yang terkenal dalam dunia Islam. Banyak karya beliau masih digunakan secara agresif hingga sekarang dalam proses pendakwaan dan pendidikan masyarakat Islam khususnya di negeri Johor. Kesan daripada itu, banyak pemikiran tokoh tersebut mempengaruhi guruguru takmir di negeri Johor terutamanya dari aspek metodologi dakwah dan pendidikan masyarakat. Ini terbukti dalam kajian lapan pemikiran al -Nawawi pada 2003. Semua pemikiran beliau diterima dan dipersetujui oleh guru-guru takmir bahkan diterima sebagai satu pendekatan dan metodologi umum pendakwaan dan pendidikan mereka.

Daripada penulis yang sama juga, artikel yang berlainan bertajuk Sumbangan Guru Takmir dalam Pembangunan dan Pendidikan Masyarakat Islam di Johor menyatakan bahawa Guru takmir merupakan penyumbang terpenting dalam pembangunan pendidikan peringkat akar umbi masyarakat Islam. Sumbangan mereka kepada kemakmuran masjid dengan memberikan pendidikan pembangunan diri masyarakat sudah menjadi satu kebiasaan dalam masyarakat Islam Malaysia umumnya dan masyarakat Islam Johor khususnya. Kajian yang dilakukan di Johor di tiga daerah besar iaitu Johor Baharu, Batu Pahat dan Kluang jelas menunjukkan sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat ini. Kajian ini juga menghasilkan dapatan yang menggalakkan satu pengurusan yang lebih rapi dan tersusun dalam menyelaraskan sumbangan guru-guru takmir di masjid-masjid dan penyelarasan kurikulum pengajaran mereka agar segala sumbangan mencapai matlamat yang diharapkan oleh kerajaan, masyarakat dan rakyat.

Menurut Shuhadak Mahmud dan Iknor Azli Ibrahim (2014) dalam Pelaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimarah Masjid di Negeri Sembilan menyatakan program takmir telah banyak memberikan kesan yang positif kepada perkembangan agama Islam serta pengimarah masjid dan surau sepanjang tempoh 25 tahun. Kerajaan Negeri Sembilan juga telah menggunakan pendekatan ini sebagai medium penyampain ilmu Islam ke tengah Masyarakat. Kajian ini akan meninjau bagaimanakah perlaksanaannya di negeri tersebut dan apakah cabaran yang dihadapi dalam meneruskan kesinambungannya dalam senarai aktiviti masjid. Kajian ini

mendapati program ini telah memberi peluang kepada masyarakat awam untuk menjadikan masjid dan surau sebagai pusat sumber bagi mendapatkan ilmu agama. Program ini juga telah dibangunkan berdasarkan kepada kepentingan kemurnian akidah, keadilan syariah dan ketinggian akhlak di dalam institusi keluarga dan masyarakat. Selain itu, program ini merupakan kaedah dakwah yang terbaik dalam pendekatan fardu ain untuk masyarakat umum.

### **Hubungan Uslub *Al-Hadhf* Dengan Makna Ayat**

Para sarjana telah membahagikan *al-hadhf* kepada beberapa jenis. Pada bahagian ini, beberapa analisis dibuat melibatkan ayat-ayat al-Quran dan hanya tertumpu kepada *al-hadhf* yang melibatkan perkataan atau al-kalimah. Menurut al-Mut 'aniy (1992), *al-hadhf* yang melibatkan perkataan boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk, ialah:

- 1) *Hadhf al-fi 'l* (Elipsis kata kerja)
- 2) *Hadhf al-fa 'il* (Elipsis kata nama pelaku)
- 3) *Hadhf al-maf 'ul bih* (Elipsis kata nama sasaran kata kerja)
- 4) *Hadhf al-mubtada'* (Elipsis subjek)
- 5) *Hadhf al-khabar* (Elipsis predikat)
- 6) *Hadhf al-mawsuf* (Elipsis kata nama yang dikaitkan dengan kata sifat)
- 7) *Hadhf al-sifah* (Elipsis kata sifat atau adjektif)
- 8) *Hadhf al-mudaf* (Elipsis kata majmuk)
- 9) *Hadhf al-mudaf ilayh* (Elipsis kata majmuk)

Kesemua bentuk *al-hadhf* ini membawa pengertian bahawa *al-hadhf* yang melibatkan perkataan berkait rapat dengan kedudukan sesuatu perkataan yang membawa makna tertentu dan dikenali sebagai *i 'rab* atau fleksi. Kamarul Shukri (2005) menukilkan pendapat para sarjana tentang makna fleksi dari sudut bahasa dan istilah dalam bukunya bertajuk *Tatabahasa Arab dan Pembinaan Hukum daripada al-Quran*. Dari segi bahasa, *i 'rab* atau fleksi bermaksud menerangkan dan menjelaskan sesuatu perkara (Ibn Manzur, 1994).

Dari segi istilah pula, fleksi didefinisikan sebagai perubahan pada akhir perkataan yang berlaku secara *lafzi* dan zahir atau secara *taqdiri*, hasil daripada wujudnya *'amil* yang tertentu (Ibn Hisham, 2000). Menurut Kamarul Shukri (2005), para sarjana bersepakat tentang kepentingan fleksi dalam memperjelas dan menerangkan makna-makna yang terdapat pada sesuatu perkataan dalam ayat. Makna yang dibawa oleh sesuatu perkataan amat bergantung kepada kedudukan fleksi perkataan tersebut dalam ayat.

Daripada penjelasan makna fleksi, dapat difahami bahawa setiap perkataan yang terlibat dengan *al-hadhf* akan mengubah makna ayat secara keseluruhan. Hal ini disebabkan setiap perkataan yang diletakkan bagi menyempurnakan satu binaan ayat mempunyai fungsi tersendiri dalam menyampaikan maksud ayat tersebut. Oleh itu, ketiadaan perkataan tertentu pada ayat akan melibatkan perubahan makna ayat tersebut secara keseluruhan.

Pada keadaan tertentu, *al-hadhf* mungkin masih mengekalkan makna utama ayat tersebut. Namun, ia tetap membawa fungsi tertentu yang melibatkan aspek makna dalaman ayat. Hal inilah yang akan dilihat berdasarkan analisis yang dibuat terhadap beberapa ayat al-Quran yang terlibat dengan *al-hadhf*.

Beberapa ayat al-Quran yang mempunyai kaitan dengan *al-hadhaf* akan dianalisis berdasarkan keadaan perkataan yang mempunyai kedudukan fleksi tertentu dalam ayat al-Quran. Perbincangan akan dibuat mengikut bentuk bentuk *al-hadhaf* sepertimana yang dinyatakan oleh al-Mut ‘aniy (1992). Bagi setiap bentuk, satu contoh akan diberikan berserta huraian yang memberi fokus kepada uslub *al-hadhaf* yang terdapat dalam ayat al-Quran.

### 1) *Hadhf Al-Fi’il* (Elipsis Kata Kerja)

Firman Allah SWT di dalam al-Quran, daripada Surah al-Shams ayat 13:

فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيَهَا ۙ ۱۳

Maksudnya:

Maka berkatalah Rasul Allah (Nabi Salih) kepada mereka: “(Janganlah kamu ganggu) unta betina daripada Allah itu dan (janganlah kamu menyekatnya daripada mendapat) air minumannya (supaya kamu tidak ditimpa azab)!”

Ayat 13 Surah al-Shams ini merakamkan kisah Nabi Salih a.s. yang memberi peringatan tegas atau amaran kepada kaumnya agar tidak memberi mudarat kepada unta betina iaitu naqah daripada Allah SWT (Al-Sabuniy, 1979: 3/548). Menurut tafsiran Ibn Kathir, terdapat *fi’il* atau kata kerja yang gugur atau disebut *mahdhuf* dalam ayat ini (2004: 4/3047). Kata kerja yang dimaksudkan ialah احذروا iaitu *fi’il al-amr* atau kata kerja arahan. Kata kerja yang digugurkan ini terletak sebelum pertengahan *naqah*.

Perlu dijelaskan bahawa apabila disebut sesuatu perkataan itu “gugur” ia bukan membawa maksud ayat tersebut cacat atau tidak sempurna. Sebaliknya, pengguguran atau *al-hadhaf* ini merujuk kepada pemahaman makna ayat tersebut mengikut kaedah tatabahasa secara asas. Ketiadaan *fi’il* atau kata kerja pada ayat ini memberi petunjuk berlaku uslub *al-hadhaf* yang membawa makna tertentu.

Al-Mut ‘aniy (1992) menyatakan bahawa dari sudut retorika Arab, di antara rahsia berlakunya *al-hadhaf* pada ayat ini ialah untuk tujuan amaran keras atau disebut [تحذير]. Sekali lagi dijelaskan bahawa meskipun perkataan [احذروا] tiada dalam ayat, ia tidak sesekali membawa pengertian bahawa ayat al-Quran ini tidak sempurna, sebaliknya ketiadaan perkataan tersebut semakin menjelaskan makna ayat yang membawa unsur amaran keras daripada Nabi Salih a.s. kepada kaumnya.

### 2) *Hadhf Al-Fa’il* (Elipsis Kata Nama Pelaku)

Firman Allah SWT di dalam al-Quran, daripada Surah Sad, ayat 32:

فَقَالَ إِنِّي أَحْبَبْتُ حُبَّ الْخَيْرِ عَن ذِكْرِ رَبِّي حَتَّى تَوَارَتْ بِالْحِجَابِ ۙ ۳۲

Maksudnya:

(Kerana lekanya dengan pertunjukan itu) maka nabi Sulayman berkata: “Sesungguhnya aku telah mengutamakan kesukaanku kepada (kuda pembawa) kebaikan lebih daripada mengingati (ibadatku kepada) Tuhanku, sehingga (matahari) melindungi dirinya dengan tirai malam.

Terdapat banyak pendapat tentang pentafsiran ayat 32 daripada Surah Sad. Namun dalam pentafsiran ayat, banyak pendapat menyatakan bahawa berlaku *al-hadhaf* pada *fa 'il* atau pelaku bagi *al-fi 'l al-madiy* (kata kerja lepas), iaitu *tawarat* (al-Mut 'aniy, 1992). Dalam hukum tatabahasa Arab, setiap *fi 'l* atau kata kerja mesti disertakan bersamanya pihak yang melakukan kata kerja tersebut. Pendapat yang kuat menyatakan pihak yang terlibat bagi kata kerja *tawarat* pada ayat ini ialah matahari atau disebut *al-shams* (Al-Sabuniy, 1979: 3/57). Matahari merupakan antara bintang yang besar sifatnya. Justeru, pengguguran perkataan *al-shams* yang bertindak sebagai *fa 'il* dalam ayat ini membawa tujuan mengukuhkan kemunculan matahari dengan sifatnya yang diketahui umum kemudian terlindung dengan halangan tertentu.

Pendapat yang merujuk bahawa *fa 'il* yang digugurkan daripada ayat 32 daripada Surah Sad ini ialah matahari semakin jelas apabila kata kerja *tawarat* yang terdapat pada ayat tersebut dalam bentuk feminin. Hal ini memandangkan matahari atau *al-shams* termasuk dalam kategori feminin. Menurut al-Mut 'aniy (1992), berlaku *al-hadhaf* pada *fa 'il* dalam ayat ini sejajar dengan kedudukan makna *fa 'il* yang sedia dimaklumi oleh umum. Keadaan ini bertepatan dengan kaedah yang menyatakan bahawa pengguguran sesuatu yang diketahui adalah diharuskan (*hadhf ma yu 'lam ja'iz*).

### 3) *Hadhf Al-Maf 'ul Bih* (Elipsis Kata Nama Sasaran Kata Kerja)

Firman Allah SWT di dalam al-Quran, daripada Surah Yunus, ayat 25:

وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَىٰ دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ٢٥

Maksudnya:

(Itulah dia kesudahan kehidupan dunia), dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa, dan Dia sentiasa memberi petunjuk hidayah-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) ke jalan yang betul lurus (yang selamat itu).

Jika diperhatikan pada ayat 25 Surah Yunus ini, terdapat *fi 'l* atau kata kerja, iaitu *yad 'u*. Kata kerja ini merujuk pada Allah SWT yang menyeru pihak tertentu untuk berusaha menuju ke syurga-Nya. Tetapi tidak kelihatan *maf 'ul bih* pada ayat tersebut. Menurut pandangan sarjana, pada ayat ini telah berlaku *al-hadhaf* melibatkan *maf 'ul bih* yang merujuk kepada sesiapa sahaja yang berhak menerima ganjaran syurga.

Justeru, dapat difahami bahawa lafaz *maf 'ul bih* (kata nama sasaran kata kerja) yang digugurkan pada ayat ini membawa tujuan mengumumkan makna lafaz yang merujuk kepada *maf 'ul bih*. Sesiapa sahaja yang memperoleh rahmat daripada Allah SWT, termasuk dalam makna perkataan *maf 'ul bih* selepas perkataan *yad 'u*. Perkara yang dimaksudkan dengan *maf 'ul bih* dalam uslub *al-hadhaf* pada ayat 25 daripada Surah Yunus ini ialah *kull ahad* (Al-Mut 'aniy, 1992). Hal ini menunjukkan bahawa *maf 'ul bih* pada ayat ini dibuat secara umum, iaitu sesiapa sahaja yang menepati ciri-ciri yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk menjadi penghuni syurga. Peluang menjadi penghuni syurga tidak dikhususkan pada golongan tertentu sahaja. Ia terbuka untuk setiap Muslim sama ada orang Arab atau bukan Arab, orang kaya atau miskin, berpangkat atau tidak berpangkat, kesemuanya dipelawa oleh Allah SWT untuk menjadi penghuni syurga-Nya.

Namun, al-Sabuniy menyatakan bahawa meskipun *maf 'ul bih* yang tidak dinyatakan pada ayat ini adalah bersifat umum, tetapi pada ayat seterusnya, iaitu ayat 26 Surah Yunus dinyatakan

bahawa terdapat ciri-ciri khusus bagi individu yang layak mendapat jempunan Allah SWT untuk menghuni syurga-Nya, iaitu mereka yang beriman dan beramal soleh (al-Sabuniy, 1979: 1/568).

#### 4) *Hadhf Al-Mubtada'* (Elipsis Subjek)

Terdapat banyak tempat dalam al-Quran yang melibatkan *al-hadhf* bagi *mubtada'* (subjek) dan khabar (predikat) dalam ayat (al-Mut 'aniy, 1992). Antaranya ialah pada ayat 9 daripada Surah al-Muzammil sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Quran:

رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَاتَّخِذْهُ وَكِيلًا ٩

Maksudnya:

Dialah Tuhan yang menguasai Timur dan Barat; tiada Tuhan melainkan Dia; maka jadikanlah Dia Penjaga yang menyempurnakan urusanmu.

Pada ayat ini, telah berlaku *hadhf mubtada'*, iaitu kata ganti nama [هو] yang terletak pada awal ayat dari sudut maknanya, sedangkan ayat ini dimulakan dengan khabar, iaitu [رب]. Menurut al-Mut 'aniy (1992), *al-hadhf* yang melibatkan *mubtada'* ini berlaku kerana kata ganti nama [هو] yang merupakan *mubtada'* tersebut merujuk kepada makna "Allah" atau *Rabb*. Al-Sabuniy menjelaskan secara terperinci bahawa ayat ini merujuk kepada Allah SWT (Al-Sabuniy, 1979: 3/455).

Jika diteliti pada ayat 8 daripada Surah al-Muzammil, secara jelas perkataan [ربك] merujuk kepada Allah SWT, maka ia dikaitkan secara langsung dengan ayat berikutnya, iaitu ayat 9 yang dibincangkan. Antara rahsia berlakunya uslub *al-hadhf* ini disebabkan pengulangan sesuatu yang telah dimaklumkan pada ayat sebelumnya adalah sesuatu yang tidak perlu (Al-Mut 'aniy, 1992: 2/36). Pengguguran *mubtada'* pada ayat ini tidak menjejaskan makna ayat kerana ia telah sedia dinyatakan dan dimaklumi daripada ayat-ayat sebelumnya.

#### 5) *Hadhf Al-Khabar* (Elipsis Predikat)

Sebagaimana berlakunya *al-hadhf* bagi *mubtada'* (subjek), terdapat juga *al-hadhf* pada perkataan yang terletak pada kedudukan *khabar* (predikat) dalam ayat. *Khabar* hanya akan wujud dalam sesuatu ayat sekiranya terdapat *mubtada'*. Hal ini bermakna, *mubtada'* dan khabar adalah dua elemen penting yang memerlukan antara satu sama lain. Menurut al-Rajihiy (1988) di dalam bukunya *al-Tatbiq al-Nahw*, wujudnya khabar (predikat) dalam sesuatu ayat adalah disebabkan kewujudan *mubtada'* (subjek) sehingga *mubtada'* dikenali sebagai 'amil (penyebab) kepada wujudnya khabar.

Pada ayat 50 daripada Surah al-Shu 'ara' berikutnya, terdapat *al-hadhf* yang melibatkan khabar. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

قَالُوا لَا ضَيْرَ إِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا مُنْقَلِبُونَ ٥٠

Maksudnya:

Mereka menjawab: "(Ugutanmu itu) tidaklah menjadi hal! Sesungguhnya kami (tidak gentar), kerana kepada Tuhan kamilah kembalinya kami.

Ayat ini merupakan firman Allah SWT yang berkaitan dengan kata-kata ahli sihir tatkala mereka diancam dengan hukuman oleh Fir'aun (Ibn Kathir, 2004: 3/2053). Khabar yang dimaksudkan ialah perkataan [علينا], iaitu pada kedudukan selepas perkataan [لاضير] (Al-Sabuniy, 1979: 2/363;

al-Mut ‘aniy, 1992). *Khabar* ini termasuk dalam *khabar* jenis *shibh al-jumlah*, iaitu yang merujuk kepada *al-jar* [على] dan *al-majrur* [ضمير "نا"].

Antara rahsia *uslub al-hadhif* pada ayat ini adalah bertujuan meringkaskan ayat atau disebut sebagai [الإيجاز]. Walau bagaimanapun, makna ayat tetap sempurna, tambahan pula ia melibatkan ungkapan yang diungkapkan oleh ahli sihir yang menafikan kekhuatiran mereka terhadap sebarang ugutan berbentuk hukuman daripada Firaun ke atas mereka. Hal ini demikian kerana para ahli sihir beriman dengan Allah SWT serta meyakini kekuasaan-Nya selepas menyaksikan mukjizat Nabi Musa a.s.

#### 6) *Hadhif Al-Mawsuf* (Elipsis Kata Nama Yang Dikaitkan Dengan Kata Sifat)

*Al-Hadhif* juga berlaku pada ayat al-Quran yang melibatkan *sifah* (kata sifat atau adjektif) dan *mawsuf* (kata nama yang dikaitkan dengan kata sifat). Namun, *hadhf al-mawsuf* dilihat lebih banyak daripada *al-hadhif* yang melibatkan *sifah* (al-Mut ‘aniy, 1992). *Mawsuf* lebih kuat kedudukannya dalam ayat berbanding dengan *sifah*. Sekiranya terdapat *sifah* dalam sesuatu ayat, pastinya ia merujuk kepada sesuatu yang disifatkan atau disebut *mawsuf*. Dengan kata lain, *sifah* akan sentiasa disandarkan kepada *mawsuf* tertentu. *Sifah* tidak akan wujud pada sesuatu ayat tanpa wujudnya *mawsuf*.

Contoh *hadhf* yang melibatkan perkataan pada kedudukan *mawsuf* sepertimana pada ayat 52 Surah Sad. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

﴿وَعِنْدَهُمْ قَصِيرَاتُ الْطَّرْفِ أَثْرَابٌ ٥٢﴾

Maksudnya:

Dan di sisi mereka pula para bidadari yang pandangannya tertumpu (kepada mereka semata-mata), lagi yang sebaya umurnya

Pada ayat ini terdapat dua *sifah* (kata sifat atau adjektif), iaitu [قاصرات الطرف] yang merujuk kepada pandangan mata yang tertumpu, dan juga [أثراب] yang merujuk kepada umur yang sebaya (Al-Sabuniy, 1979: 3/60). Kedua-dua *sifah* ini disandarkan kepada ciri-ciri para bidadari syurga atau disebut sebagai [حور] (Ibn Kathir, 2004: 4/2432; al-Sabuniy, 1979: 3/60).

Pada ayat al-Quran ini, berlaku *al-hadhif* pada perkataan [حور] yang merujuk kepada para bidadari syurga. Namun begitu, ciri-ciri bidadari tersebut dijelaskan pada ayat 52 daripada Surah Sad. Secara jelas dapat dilihat bahawa berlaku *al-Hadhif* pada *mawsuf*, sedangkan *sifah* dinyatakan. Antara rahsia berlakunya *al-hadhif* pada *mawsuf* ialah keutamaan menyerlahkan *sifah* berbanding *mawsuf* (al-Mut ‘aniy, 1992). Allah SWT memerihalkan keistimewaan dan keindahan para bidadari dengan menyerlahkan sifatnya yang menarik, sesuai sebagai ganjaran istimewa bagi hamba-Nya yang beriman.

Pengguguran lafaz perkataan *mawsuf* (kata nama yang dikaitkan dengan kata sifat) tidak mencacatkan makna dan tujuan pemerihalan para bidadari yang terdapat di dalam syurga. Menurut Ibn ‘Abbas, Mujahid, Sa ‘id bin Jubayr dan Muhammad bin Ka ‘b, ayat ini dan beberapa ayat lagi sebelumnya memerihalkan tentang kenikmatan syurga yang disediakan untuk para hamba Allah SWT yang bertakwa selepas mereka dibangkitkan dari kubur serta terselamat daripada neraka (Ibn Kathir, 2004: 4/2432).

### 7) *Hadhf Al-Sifah* (Elipsis Kata Sifat Atau Adjektif)

Firman Allah SWT di dalam al-Quran, daripada Surah al-Kahf, ayat 79:

أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسْكِينٍ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا  
٧٩

Maksudnya:

Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang miskin yang bekerja di laut; oleh itu, aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat.

Bagi *al-hadhf* yang melibatkan *sifah* (kata sifat atau adjektif), ia boleh dilihat pada ayat 79 daripada Surah al-Kahf. Ayat ini merupakan penjelasan Khidir a.s. kepada Nabi Musa a.s. atas tindakannya membocorkan perahu milik golongan yang miskin dan lemah (Ibn Kathir, 2004: 3/1736; al-Sabuniy, 1979: 2/192). Pada akhir ayat ini dinyatakan sebab mengapa tindakan tersebut berlaku, iaitu untuk mengelak daripada kezaliman raja yang akan merampas setiap perahu yang berada dalam keadaan baik.

Pada ayat ini juga dinyatakan *mawsuf*, iaitu perahu atau disebut [سفينة], namun tidak dinyatakan *sifah* atau ciri perahu yang dikehendaki oleh raja tersebut. Para *mufasssir* telah menjelaskan bahawa raja yang zalim hanya merampas perahu yang tidak rosak. *Sifah* yang tidak dinyatakan secara zahir pada ayat ini merujuk kepada perkataan [صالحة] yang membawa maksud tidak rosak (al-Sabuniy, 1979: 2/192). Ibn Kathir di dalam kitab tafsirnya menyatakan bahawa menurut bacaan Ubay bin Ka 'b, bahagian akhir ayat ini dibaca dengan [كل سفينة سالحة] (Ibn Kathir, 2004: 3/1736).

Antara rahsia berlakunya *hadhf sifah* pada ayat ini ialah untuk memberi gambaran ketamakan dan kerakusan raja yang zalim sehingga seolah-olah setiap perahu yang ditemuinya akan dirampas dengan kejam, tanpa mengira sama ada sesuatu perahu itu rosak mahupun sebaliknya (al-Mut 'aniy, 1992). Berdasarkan pendapat ini, difahami bahawa gaya bahasa atau *uslub al-Hadhf* ini mempunyai fungsi besar dalam pemahaman makna ayat. Pengguguran perkataan pada sesuatu ayat tidak sekali-kali mencacatkan makna ayat, malah menambah kejelasan makna ayat tersebut.

### 8) *Hadhf Al-Mudaf* (Elipsis Kata Majmuk)

*Al-Hadhf* yang melibatkan perkataan juga berlaku pada perkataan yang kedudukan fleksinya *mudaf*. Dalam bahasa Arab, *mudaf* adalah salah satu komponen dalam penggabungan dua perkataan yang membawa makna tertentu. Penggabungan ini disebut sebagai *idafah*. Satu lagi komponen *idafah* dikenali sebagai *mudaf ilayh*. Contoh perkataan yang termasuk dalam kategori *idafah* ialah perkataan Surah al-Fatihah. Perkataan [سورة] merupakan *mudaf*, manakala [الفتاحة] merupakan *mudaf ilayh*.

Pada bahagian ini, fokus akan diberikan kepada ayat 82 daripada Surah Yusuf. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

وَسَلِّ الْقَرْيَةَ الَّتِي كُنَّا فِيهَا وَالْعَيْرَ الَّتِي أَقْبَلْنَا فِيهَا وَإِنَّا لَصَادِقُونَ ٨٢

Maksudnya:

Dan bertanyalah kepada penduduk negeri (Mesir) tempat kami tinggal (berdagang) dan kepada orang kafilah yang kami balik bersamanya. Sesungguhnya kami adalah orang yang benar

Pada ayat ini berlaku *hadhf mudaf*, iaitu komponen pertama bagi *idafah*. Ayat ini merupakan ayat yang merujuk kepada saudara Nabi Yusuf a.s. bagi meyakinkan bapanya bahawa mereka dalam kalangan orang yang bercakap benar (Ibn Kathir, 2004: 2/1464). Hal ini berkaitan pertuduhan mencuri cupak raja yang dikenakan kepada saudara mereka, Bunyamin. Para saudara Nabi Yusuf a.s. menyarankan kepada bapa mereka, iaitu Nabi Ya ‘qub a.s. agar menanyakan sendiri kepada penduduk Mesir tentang hal ini sekiranya masih ragu dengan kesahihannya.

Pada ayat ini, *mudaf* telah digugurkan, iaitu perkataan [أهل], manakala *mudaf ilayh* dikekalkan, iaitu perkataan [أهل الْقَرْيَةِ]. Maka, perkataan *idafah* yang terdapat pada ayat ini ialah [أهل الْقَرْيَةِ] atau secara spesifik merujuk kepada [هَلْأ مِصْر] (Al-Sabuniy, 1979: 2/63). Persoalan yang timbul, bagaimana mungkin diajukan pertanyaan kepada sesebuah kampung atau tempat. Sebenarnya, pertanyaan diajukan kepada penduduk yang menghuni tempat tersebut. Hal ini menunjukkan telah berlaku *al-hadhaf* pada perkataan yang kedudukan fleksinya *mudaf* pada ayat ini.

Antara rahsia berlakunya *al-hadhaf* pada ayat ini ialah untuk menunjukkan keadaan “terlampau” atau disebut [مبالغة] dalam menyatakan kebenaran bagi pihak saudara-saudara Nabi Yusuf a.s. Oleh itu, pertanyaan wajar diajukan buat seluruh manusia yang menghuni kampung atau tempat tersebut. Dalam ilmu retorik Arab, keadaan ini juga termasuk dalam bab *majaz al-mursal* [مجاز المرسل] yang perkaitannya termasuk dalam jenis *al-mahalliyah* [المالية] (Fayyud, 1998).

### 9) *Hadhf Al-Mudaf Ilayh* (Elipsis Kata Majmuk)

Firman Allah SWT di dalam al-Quran, daripada Surah al-A ‘raf, ayat 151:

قَالَ رَبِّ اغْفِرْ لِي وَ لِأَخِي وَ ادْخِلْنَا فِي رَحْمَتِكَ وَ أَنْتَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ ١٥١

Maksudnya:

Nabi Musa berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhanku, ampunkanlah bagiku dan bagi saudaraku, dan masukkanlah kami ke dalam rahmat-Mu, kerana Engkau sahaja yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani”.

*Al-Hadhaf* yang melibatkan *mudaf ilayh* pula dapat dijelaskan berdasarkan ayat 151 Surah al-A ‘raf ini. Menurut al-Mut ‘aniy (1992), *al-hadhaf* yang melibatkan *mudaf ilayh* banyak berlaku pada huruf *ya* ‘ *al-mutakallim* [ياء المتكلم], iaitu huruf *ya* ‘ yang merujuk kepada maksud “saya” atau “aku”. Contoh perkataan *idafah* bagi jenis ini ialah [ربي]. Pada kebanyakan tempat dalam ayat al-Quran yang melibatkan perkataan *idafah* [ربي], huruf *ya* ‘ yang kedudukan fleksinya *mudaf ilayh* digugurkan. Keadaan ini khusus merujuk kepada ayat berbentuk seruan atau [نداء].

Pada ayat 151 daripada Surah al-A ‘raf, terdapat perkataan [بر] yang merupakan doa Nabi Musa a.s. kepada Allah SWT (Ibn Kathir, 2004: 2/1156). Perkataan ini termasuk dalam bentuk seruan atau [نداء] dan ia merujuk kepada makna “Tuhanku” atau [ربي]. Perkataan [ربي] merupakan perkataan yang termasuk dalam kategori *idafah*, iaitu sebagai *mudaf* dan [ياء المتكلم] sebagai



*mudaf ilayh*. Pengguguran *mudaf ilayh* pada perkataan *idafah* diterima dari sudut tatabahasa Arab.

Sebahagian *mufassir* menjelaskan, pengguguran *mudaf ilayh* yang melibatkan *ya' al-mutakallim* pada perkataan [بر] tidak mengubah makna sepertimana yang dimaksudkan kerana lafaz Tuhan [بر] yang merujuk kepada Allah SWT menjadi makluman semua (al-Mut 'aniy, 1992). Pada ayat 151 Surah al- 'Araf ini, perkataan [بر] yang digunakan oleh Nabi Musa a.s. ini telah memberi makna yang jelas bahawa ia hanya merujuk kepada Allah SWT dan bukan makhluk lain.

### **Kesimpulan**

Kewujudan elipsis (*al-hadhf*) merupakan satu keistimewaan bagi al-Quran. Berdasarkan pentafsiran para *mufassir* pada ayat-ayat al-Quran yang terlibat dengan elipsis (*al-hadhf*), memberi petunjuk jelas bahawa al-Quran diturunkan daripada Allah SWT kepada umat manusia. Hal ini turut menjelaskan bahawa bahasa Arab yang termaktub di dalam al-Quran merupakan bahasa Arab tinggi yang sarat dengan keindahan dan kedalaman makna dan perlu difahami berlandaskan ilmu. Manusia perlu memiliki ilmu untuk memahami wahyu Allah SWT serta menggunakan akal fikiran untuk memanfaatkan khazanah yang terdapat dalam al-Quran ini.

Perlu dijelaskan bahawa elipsis atau *al-hadhf* ini tidak membawa pengertian bahawa al-Quran itu tidak sempurna. Sebaliknya, uslub atau gaya bahasa ini memberi gambaran bahawa al-Quran itu amat istimewa kerana kewujudan elipsis (*al-hadhf*) pada sesuatu ayat al-Quran membawa pengertian tertentu, yang kemudiannya dikaji dan ditafsir oleh para *mufassir*. Keadaan ini secara langsung membuktikan bahawa elipsis (*al-hadhf*) merupakan antara keistimewaan al-Quran dan bukannya kekurangan. Sesungguhnya, telah jelas bagi orang yang beriman bahawa al-Quran merupakan sebuah kitab yang sempurna dan tiada sebarang syak dan keraguan di dalamnya serta ia akan terus kekal terpelihara dalam pemeliharaan Allah SWT.

### **Bibliografi**

- Abd Rahman Abd Ghani. 2003. Sejarah Rasm Al-Quran: Tumpuan Utama Kepada Rasm 'Uthmani. Tesis MA, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abd Rahman Abd Ghani. 2009. Pemeliharaan Al-Qur'an: Kajian Di Unit Kawalan Teks Al-Qur'an Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Tesis PhD, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdullah Basmeih. 2013. *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran (Cet. ke-22)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abu Shadiy, Mustafa 'Abd al-Salam Muhammad. 1992. *al-Hadhf al-balaghiy fi al-Qur'an al-Karim. al-Qahirah: Maktabah al-Qur'an li al-Tab 'wa al-Nashr wa al-Tawzi '.*
- Ahmad Baha' Mokhtar. 2015. *Hadhf Dan Ithbat Al-Alif Dalam Ilmu Rasm Uthmani: Kajian Terhadap Tiga Mushaf Terpilih*. Tesis Doktor Falsafah Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Khalid Syukri. 2010. *Al-Tarjih wa al-Ta 'lil li Rasm wa Dabt Ba 'd Kalimat al-Tanzil. Jurnal al-Imam al-Syatibi li al-Dirasat al-Qur'aniyyah (3): 215-272.*
- 'Ali Musa 'Ali. 2012. *Istidrakat al-Imam Ibn Ajatta fi Kitab al-Tibyan 'ala Mawrid al-Zam'an (Dirarah wa Tahqiq)*. Tesis MA, Fakulti al-Quran al-Karim, Universiti Islam al-Madinah al-Nabawiyyah.

- Azmi Shah Suratman, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad, Ahmad Kilani Mohamed. 2004. Sumbangan Guru Takmir Dalam Pembangunan Dan Pendidikan Masyarakat Islam di Johor. Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004 di Asiania Resort, Langkawi 25-27 September. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Bashir Hasan Himyari. 2010. *al-Muqni' fi Ma'rifah Marsum Masahif Ahl al-Amsar, li Abi 'Amr al-Dani d. 444H : Dirasah wa Tahqiq. Jurnal al-Imam al-Syatibi li al-Dirasat al-Qur'aniyyah* (3): 215-272.
- Fadl Hasan 'Abbas. 2010. *Lata'if al-mannan wa rawa 'i al-bayan fi nafy al-ziyadah wa al-Hadhf fi al-Qur'an. 'Amman: Dar al-Nafa'is li al-Nashr wa al-Tawzi '.*
- Farhana Idris & Munirah Azrae. 2015. Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran. *E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research*, Hlm. 890-900. Kuala Lumpur: Melia Hotel.
- Fayyud, Basyuni 'Abd al-Fattah. 1998. *Ilm al-bayan: Dirasah tahliliyyah li masa'il al-bayan. al-Qahirah: Mu'assasah al-Mukhtar li al-Nashr wa al-Tawzi '.*
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma 'il b. 'Umar b. Kathir. 2004. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim. al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi '.*
- Ibn Manzur, Muhammad b. Mukarram b. 'Ali b. Ahmad. 1994. *Lisan al-'Arab. Bayrut: Dar al-Fikr.*
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Ismail Mustari, Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom. 2004. Pengaruh Pemikiran Al-Nawawi Dalam Metodologi Pendidikan dan Pendakwaan Terhadap Guru-Guru Takmir Di Negeri Johor. Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004 di Asiania Resort, Langkawi 25-27 September. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2005. Tatabahasa Arab dan Pembinaan Hukum daripada al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mahdi 'Abd Allah Qari. 1422 H. *Tahqiq Wa Dirasah Kitab al-Jawahir al-Yara'iyah Fi Rasm al-Masahif al-'Uthmaniyyah Li Muhammad bin Ahmad al-'Awfi Nazil al-Qantantiniyyah al-Mutawaffa* 1050 H. Tesis MA, Fakulti Dakwah Dan Usuluddin, Universiti Umm al-Qura, Saudi Arabia.
- Mohd Shahrizal Nasir. 2017. Elipsis (*al-Hadhf*) dalam al-Quran sebagai Satu Petunjuk Ketinggian Bahasa Arab Kalamullah. *Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning* (25):159-179.
- Muhammad Salim Harisyah. 2006. *al-Tanbih al-'Atsyah 'ala Mawrid al-'Uam'an li Abi Husayn bin 'Ali bin Talhah al-Rajaji al-Syusyawi al-Mutawaffa Sanah 899 H.* Tesis MA, Fakulti Sastera dan Sains, Universiti al-Muraqqab, Libya.
- Al-Mut 'aniy, 'Abd al-'Azim b. Ibrahim. 1992. *Khasa'is al-ta 'bir al-Qur'aniy wa simatuh al-alaghiyyah. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.*
- Al-Rajihiy, 'Abduh. 1988. *al-Tatbiq al-nahwiyy.* Bayrut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah li al-Tiba 'ah wa al-Nashr.
- Al-Sabuniy, Muhammad 'Ali. 1979. *Safwah al-tafasir. Al-Qahirah: Dar al- Sabuniy li al-Tiba 'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi '.*
- Al-Samirra'iy, Fadil Salih. 1998. *Al-Ta 'bir al-Qur'aniy. 'Amman: Dar 'Ammar.* Ibn Hisham, 'Abdullah b. Yusuf. 2000. *Awdah al-masalik ila alfiyah Ibn Malik. Bayrut: Dar al-Fikr.*
- Shuhadak Mahmud dan Ibnor Azli Ibrahim. 2014. Pelaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimarahen Masjid di Negeri Sembilan. *Jurnal Al-Hikmah* 6(2): 53-64.
- Tammam Hassan. 1994. *al-Lughah al-'Arabiyyah: Ma 'naha wa mabnaha. Al-Maghrib: Dar al-Thaqafah.*

Wan Rohani, Wan Mokhtar. 2012. Penggunaan uslub khabari dalam Al-Quran: Kajian terhadap Surah Yasin. Disertasi Master Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.